

## IMPLIMENTASI TALAQQI DAN MUSHAFahah DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN QIRA'AT WARSH 'AN NAFI'

Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi,  
Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Muhammad Nadzir Ibrahim &  
Muhammad Akramin Kamarul Zaman

### ABSTRACT

This article discusses the implementation of talaqqi and mushafahah by Tn Hj Sulaiman bin Ali through the teaching and learning of qira'at Warsh An Nafi'. Data were collected through a qualitative approach using document analysis tools, observations and structured interviews. The findings show that talaqqi and mushafahah are performed in Qira'at's teaching and learning through several aspects. These aspects are the selection and use of the material (mashaf al-Qur'an), the implementation of the main elements in talaqqi and mushafahah, the reinforcement techniques and the provision of shahadah study (sanad readings). Implementation technique has shown how the Qur'anic reading skills are inherited and applied. It illustrates how a tradition of transfer of Quranic knowledge from one generation to another is implemented with full trust and responsibility so that the skill of the Qur'anic way of reading is preserved.

**Keywords:** *Talaqqi Mushafahah, Qira'at Warsh, Tuan Hj. Sulaiman Ali*

Universiti Pendidikan Sultan  
Idris, Tanjung Malim  
Perak, Malaysia  
muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my

## PENDAHULUAN

Meriwayatkan kaedah bacaan al-Qur'an memerlukan ketekunan, kebolehan dan kemahiran yang tinggi kerana ia melibatkan kesahan kaedah bacaan wahyu yang menepati qiraat yang sahih dan mutawatir. Bagi memastikan perkara ini terpelihara, kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang efektif perlu dilaksanakan. Mohd Yusuf (2000) menjelaskan tiga tahap yang meliputi tahap permulaan, perkembangan dan penutup sangat penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Menerusi tiga tahap yang dicadangkan ini, kaedah yang digunakan oleh al-Qabisi (1955) dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz boleh diberikan penekanan. Antara kaedah yang digunakan adalah kaedah *talqin* (mengajar), *takrar* (latih tubi), *al-mail* (cintakan al-Quran) dan *al-fahm* (kefahaman). Dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran, kaedah talaqqi dan mushafahah mestilah merentasi semua kaedah-kaedah yang tersebut.

Kaedah *Talaqqi Mushafahah* adalah kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru. Ia merupakan kaedah tradisi yang terbukti berkesan dalam menyampaikan teknik sebutan dengan tepat. Kaedah ini berasaskan kepada firman Allah s.w.t:

“janganlah engkau (wahai Muhammad) menggerak-gerakkan lidahmu kerana hendak bersegera dengannya (membaca dan menghafaz sebelum Jibril membacanya). Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan al-Qur'an ke dadamu dan Kami lah yang menetapkan bacaannya pada lidahmu. Oleh itu, apabila kami selesai membacanya maka ikutlah bacaannya” (Surah al-al-Qiyamah 16)

Menerusi ayat ini, Allah SWT menyuruh Nabi Muhammad SAW agar mendengar bacaan wahyu oleh malaikat. Ini kerana pada peringkat awal penerimaan wahyu, Nabi SAW membaca dengan cara yang gopoh sehingga mendahului malaikat. Baginda bersegera untuk menggerakkan bibirnya kerana dikhuatiri akan lupa awal ayat yang diterima sebelum ayat itu sempurna. Oleh itu baginda SAW ditegur agar jangan menggerakkan lidah dengan sebab terburu-buru dalam menerima al-Qur'an (Ibn. Kathir, 1999). Ini menggambarkan bahawa dalam proses penerimaan wahyu, nabi disuruh agar mendengar dengan teliti bacaan dan kemudiannya mengikuti bacaan tersebut. Proses ini mestilah dilalui dengan tenang.

Menurut Sedek Arifin (2009) sehingga kini ia dianggap satu-satunya cara yang boleh digunakan untuk mengajar dan mempelajari al-Quran agar menepati konsep membaca al-Qur'an dengan cara ia diturunkan. Mempelajari al-Quran menerusi kaedah ini memberikan faedah yang besar kepada guru dan pelajar. Guru dapat memantapkan teknik pengajarannya manakala pelajar dapat menimba ilmu yang tulus, jelas, dan sempurna mengikut kehendak Allah SWT.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Abd. Qadir (2015) dalam muqaddimah penulisannya Tajwid al-Qur'an Rasm Uthmani antara lain menegaskan bahawa bacaan yang sempurna adalah bacaan yang diambil dari ustaz yang mempunyai bacaan yang sahih dalam bidang al-Qur'an. Ia menjadi syarat yang wajib. Ini bertepatan dengan apa yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w semasa Baginda mengambil bacaan daripada malaikat Jibril a.s dan Malaikat Jibril a.s mengambil bacaan dari Allah s.w.t.

Ilmu Qira'at adalah sebahagian dari bacaan yang diterima oleh rasulullah saw. Ini kerana wahyu yang diturunkan bersama dengan cara dan teknik bacaan kepada wahyu itu sendiri. Oleh itu, Ilmu Qiraat merupakan sebahagian daripada Al-Qur'an. Ini dapat disandarkan kepada firman Allah s.w.t:

Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (samada Al-Quran atau

hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (malaikat jibril) yang amat kuat gagah. (Surah al-Najm : 3-5)

Ini diperkukuhkan lagi dengan hadith berikut:

Dari Syihab r.a berkata; Ubaidillah meriwayatkan kepadaku bahawa Ibnu Abbas telah menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Jibril telah membaca al-Quran kepadaku di atas *satu huruf* maka aku membaca huruf tersebut dan setiap kali aku meminta tambahan lalu ia menambahkan kepadaku sehingga terkumpul *tujuh huruf*. (al-Bukhari, 1422H)

Kepelbagaian bentuk bacaan yang diterima oleh Rasulullah dapat dikenal pasti menerusi kepelbagaian bacaan yang diterima oleh para sahabat daripada Rasulullah s.a.w. Kepelbagaian ini dikenal pasti berdasarkan riwayat berikut;

Umar bin Al-Khattab berkata aku mendengar Hisyam bin Hakim membaca surah Al-Furqan pada zaman Rasulullah s.a.w. Aku mendengar bacaannya, tiba-tiba beliau membaca di atas huruf yang banyak yang mana Rasulullah s.a.w tidak pernah membacanya kepadaku. Hampir aku ingin menariknya di dalam solat lalu aku bersabar sehingga beliau memberi salam, kemudian aku menarik bajunya seraya berkata; Siapakah yang membacakan surah ini kepadamu? Beliau menjawab, Rasulullah s.a.w yang membacakannya kepadaku. Lalu aku membawanya kepada Rasulullah s.a.w dan mengadu tentang bacaan tersebut yang mana Rasulullah s.a.w tidak pernah membaca kepadaku. Kemudian Rasulullah s.a.w menyuruh Hisyam membaca surah itu dan baginda bersabda; begitulah ia diturunkan. Kemudian Rasulullah s.a.w menyuruh aku membacanya dan seterusnya baginda bersabda; Begitulah ia diturunkan dan sesungguhnya al-Quran itu diturunkan di atas tujuh huruf, maka bacalah di antara mana-mana huruf yang mudah daripadanya (Bukhari, 1422h; Muslim, 2004).

Penyampaian dan penerimaan *qira'at* al-Quran semenjak penurunannya diakui hanya melalui *talaqqi* dan *mushafahah*. Ia merupakan proses pengambilan dan penerimaan bacaan secara langsung daripada seorang imam. Penerimaan ini berbentuk rantaian sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. Cara bacaan yang diterima tersebut kemudiannya diperakui kesahihannya secara konsensus oleh ilmuan al-Qur'an. Masyarakat Islam kemudiannya menerima *qira'at* imam tersebut dan perakuan sandaran bacaan dikekalkan menerusi sanad penerimaan. Imam-imam *qira'at* ini kemudiannya telah membentuk *qurra'* yang ramai. Mereka bertebaran di seluruh pelusuk dunia dan silih berganti sehingga muncul generasi *qurra'* yang disebut sebagai *tabaqat* yang masyhur pada setiap peringkat sehinggalah kepada kemunculan *qira'at sab'ah*. Oleh itu lahirlah beberapa *qira'at* yang disandarkan kepada imam tertentu seperti *qira'at Warsh*, *qira'at Ibn Kathir*, *qira'at Hafs* dan sebagainya.

Surur Shihabuddin (2004) menyatakan walaupun al-Qur'an telah disusun dalam bentuk tulisan oleh Saidina Uthman r.a, beliau tidak mengabaikan sunnah penyampaian al-Qur'an itu sendiri yang mestilah diwarisi dari mulut ke mulut. Dalam menjaga kesahihan bacaan al-Qur'an ini, mashaf al-Qur'an yang berjumlah enam atau tujuh naskhah pada permulaannya itu telah dikirimkan bersama guru-guru untuk mengajar bacaannya ke negeri-negeri umat Islam pada masa itu.

## PENYATAAN MASALAH

Kemahiran membaca al-Qur'an khasnya kemahiran membaca berdasarkan *qira'at* tertentu merupakan satu kemahiran yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dari mereka yang benar-benar mahir serta menerima dan mempelajari kemahiran tersebut dari mereka yang diketahui sanadnya. Bimbingan dan tunjuk ajar dalam konteks ini merujuk kepada kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* yang dijalankan oleh seorang guru ketika mengajar kemahiran membaca al-Qur'an.

Tedapat pelbagai perbincangan secara teori dikemukakan dalam menggambarkan bagaimana kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* perlu dijalankan dalam pengajian al-Qur'an. Kaedah ini yang menekankan pertemuan antara guru

dengan pelajar, proses penerimaan bacaan dari mulut ke mulut, mengikuti bacaan guru, teknik memperbetulkan bacaan oleh guru dan bahan yang digunakan sepanjang talaqqi dan mushafahah dijalankan memerlukan satu bentuk gambaran yang jelas bagaimana semua proses ini dijalankan. Situasi ini mendorong kepada satu kajian dijalankan bagi mengenal pasti bagaimana kaedah talaqqi dan mushafahah dijalankan dalam satu kelas pengajian.

Bagi tujuan tersebut, satu kajian berkaitan implementasi talaqqi dan mushafahah dijalankan. Kajian ini melibatkan kelas pengajian ilmu qira'at riwayat Warsh dari Qira'at Nafi' yang dijalankan oleh seorang tokoh ilmu qira'at di negeri Terengganu. Beliau adalah Tn. Hj. Sulaiman bin Ali yang merupakan satu-satunya ulama Qira'at tempatan yang masih aktif mengajar qira'at tersebut di kampung Wakaf Beruas, Kuala Terengganu. Dalam waktu yang sama, beliau juga merupakan ulama al-Qur'an yang menerima didikan dan cara bacaan secara terus dari tokoh qari dunia dengan pengiktirafan bacaan yang paling sahih iaitu Shaykh Mahmoud Khalil al-Husary.

Tinjauan yang dijalankan terhadap penguasaan pelajar yang mengikuti kelas yang dikendali oleh Tn Hj Sulaiman bin Ali menunjukkan penguasaan qira'at yang dimiliki oleh mereka sangat baik walaupun semua pelajar tersebut terdiri dari kalangan warga emas. Mereka bukan sahaja menguasai teori qira'at berkaitan tetapi dalam waktu yang sama mereka juga berkemahiran dalam mengaplikasikan teori tersebut dalam bacaan mereka. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti elemen-elemen yang ditekankan oleh Tn Hj Sulaiman bin Ali ketika mempraktikkan kaedah talaqqi dan mushafahah dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Dalam waktu yang sama, Tn. Hj. Sulaiman mempunyai satu hasil tulisan yang khusus berkaitan Qira'at Warsh dari Nafi'. Tulisan tersebut bertajuk al-Nur Riwayat Warsh Dari Qira'ah Nafi'. Tulisan ini menjadi rujukan utama oleh semua pelajar yang menerima bacaan Warsh dari beliau.

#### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bagaimana implimentasi talaqqi dan mushafahah yang dilaksanakan oleh Tn Hj. Sulaiman Ali dalam pengajaran dan pembelajaran Qira'at Warsh 'an Nafi'.

#### **METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif. Data diperolehi menerusi tiga instrumen iaitu temu bual berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Temu bual yang dijalankan berdasarkan empat peringkat sebagaimana yang dikemukakan oleh Mohd Majid (1998) iaitu persiapan, membentuk hubungan baik, mendapatkan maklumat dan merekodkan maklumat dengan bersandarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual berstruktur dengan menjadikan saranan-saranan lain sebagai garis panduan dalam memantapkan proses kutipan data yang dijalankan. Ini kerana menurut Merriam (1984) penggunaan temu bual berstruktur bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosiodemografik, umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya. Manakala temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik.

Pemerhatian yang dijalankan pula adalah pemerhatian secara terus (*direct observation*) dan Pemerhatian melalui penglibatan (*participant-observation*) digunakan. Sebahagian penyelidik ditugaskan untuk menjalankan pemerhatian terus manakala sebahagian yang lain menjalankan pemerhatian melalui penglibatan dalam proses pengajaran yang dijalankan. Data dicatatkan berdasarkan elemen-elemen yang menepati konsep pembelajaran qira'at. Analisis dokumen pula dijalankan kepada penggunaan bahan dalam talaqqi dan mushafahah yang dijalankan. Ia meliputi mashaf yang digunakan dan hasil penulisan yang telah dihasilkan oleh responden.

Responden kajian ini terdiri daripada empat responden iaitu seorang responden utama (guru) dan tiga responden dari kalangan pelajar. Walaupun secara keseluruhannya terdapat 15 orang responden yang mengikuti kelas pengajian yang dijalankan, namun sebahagian mereka tidak bersedia untuk ditemu bual untuk tujuan pengumpulan data atas sebab-sebab yang tidak dapat dikenal pasti.

## DAPATAN

Berikut adalah hasil dapatan kajian yang dijalankan.

### *Pemilihan Mashaf*


Responden utama mencadangkan supaya pemilihan mashaf mestilah mashaf yang dicetak berdasarkan qira'at Hafs iaitu mashaf yang biasa digunakan dalam bacaan al-Qur'an. Ini bagi tujuan memudahkan pelajar mengenali perbezaan bacaan antara qira'at warsh dan qira'at Hafs yang sedia ada dilazimi oleh pelajar. Menerusi mashaf ini, catatan-catatan dan nota ditulis berdasarkan pemahaman sendiri bagi tujuan rujukan dalam bacaan berdasarkan qira'at warsh. Bagi responden utama, cara ini lebih mudah diingati dan banyak membantu pelajar menguasai bacaan qira'ah Warsh. Dalam waktu yang sama, pelajar akan dapat membezakan antara riwayat yang sedia ada dikuasai dan yang sedang dipelajari. Namun begitu beliau tidak menolak penggunaan mashaf-mashaf yang ditulis berdasarkan riwayat Warsh sebagaimana mashaf yang dikeluarkan oleh Majma' Malik Fahd Li Thibaah Mashaf Syarif.

Berdasarkan pemerhatian, responden utama sendiri menggunakan mashaf sebagaimana yang beliau sarankan. Mashaf yang digunakan didapati penuh dengan catatan dan panduan dalam membaca al-Qur'an berdasarkan qira'at Warsh. Catatan ini telah dimulakan sejak responden utama mula bertalaqqi dengan Syeikh Ibrahim iaitu guru Qira'at terakhir sebelum beliau sendiri memulakan kelas pengajian. Catatan-catatan yang dilakukan oleh responden utama boleh dilihat menerusi gambar 1.1 berikut:

1.1. Tn Hj Sulaiman menggunakan Mashaf yang penuh dengan catatan berkaitan bacaan warsh.



### 1.2. Sebahagian dari catatan dalam mashaf Tn Hj Sulaiman.



Selain daripada membuat catatan terhadap bentuk bacaan qira'ah Warsh dalam mashaf qira'ah Hafs, responden utama juga menyarankan agar setiap kesalahan yang pernah dilakukan ketika membaca al-Qur'an ditanda dengan jelas. Ini bertujuan agar apabila membaca pada waktu yang lain, kesalahan yang pernah dibuat dapat dilihat. Ini akan membantu pelajar membuat peneguhan agar bacaan yang betul dapat dibaca pada tempat kesalahan yang pernah dilakukan sebelum ini. Dalam waktu yang sama, pelajar akan mengingati bentuk bacaan yang tidak menepati kaedah bacaan yang berkaitan. Kaedah ini ternyata berkesan dalam pengajaran dan peneguhan. Menurut responden P1L1:

*"Saya suka melihat Al-Quran Tuan Haji yang mempunyai dobit (catatan) macam mana. Kemudian saya akan memberitahu Tuan Guru saya selepas melihat al-Quran beliau. Saya membaca juga membaca al-Qur'an biasa yang saya lakukan dobit (catatan). Saya melakukan demikian kerana Tuan Guru saya juga begitu. Apabila saya mula mengaji, saya akan tanya Tuan Guru saya. Tuan Guru mahu saya beli Al-Quran atau mahu saya dobit (membuat catatan). Tuan Guru saya akan menyusun saya untuk dobit. Hal ini untuk membolehkan saya mengajar mengaji apabila mempelajari dobit pada suatu hari nanti dan saya akan tahu bacaan yang betul, bacaan naqal yang betul dan lebih yakin untuk mengajar. Oleh sebab itu saya memilih dobit walaupun saya memiliki semua cetakan al-Quran (qira'at) Warsh. Itu (merupakan) kelebihan (pengajaran) Tuan Haji yang pertama. Beliau menulis kesalahan pada buku dan mengingati kesalahan tersebut".*

#### **Talaqqi dan Mushafahah**

Kaedah *talaqqi mushafahah* adalah kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru. Dalam hal ini responden utama menyatakan;

*"mempelajari riwayat Warsh perlulah berguru atau disebut sebagai talaqqi/mushafahah. Ini adalah rukun pertama dalam pelajaran ilmu qira'at. Talaqqi bermaksud mengambil bacaan secara berguru iaitu mempelajari dari mulut guru dengan melihat atau mendengar sebutan guru umpamanya tarqiq, taqlil, qasr, tawassut dan mad. Guru mendengar bacaan murid dan membetulkannya apabila terdapat kesalahan."*

Menerusi pemerhatian yang dijalankan, responden utama benar-benar menitik beratkan rukun pertama sebagaimana yang beliau nyatakan. Responden dilihat menitik beratkan bacaan agar dapat didengari dengan jelas oleh pelajar. Dalam waktu yang sama, semakan bacaan dijalankan dengan teliti yang dapat dilihat dari pelbagai sudut. Beliau mendengar bacaan murid dan membetulkannya apabila terdapat kesalahan.



Proses talaqqi dan mushafahah yang dijalankan oleh beliau boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Bentuk pertama adalah talaqqi mushafahah dengan pelajar berkemahiran tinggi manakala bentuk kedua pula adalah talaqqi mushafahah dengan pelajar berkemahiran sederhana.

#### ***Talaqqi Mushafahah dengan Pelajar Berkemahiran Tinggi***

Dalam proses ini, responden utama didapati duduk ditempat yang agak tinggi (kerusi) berbanding pelajar yang memperdengar bacaan. Menerusi kedudukan ini menurut beliau, bacaan pelajar dapat dinilai dengan jelas menerusi dua aspek. Pertama aspek sebutan manakala aspek kedua pula aspek gerakan bibir dan mulut bagi memantapkan sebutan dalam bacaan. Dalam waktu yang sama juga, pelajar mempunyai ruang dan peluang yang cukup jelas untuk mendengar, memerhati dan mengajuk cara bacaan dan dan gerakan mulut responden utama ketika memperdengarkan bacaan.

Kedudukan responden utama dengan pelajar dalam talaqqi mushafahah dengan pelajar berkemahiran tinggi dapat dilihat menerusi gambar 1.3 dan 1.4 berikut;

#### **1.3. Talaqqi mushafahah dijalankan kepada pelajar berkemahiran tinggi**



#### **1.4. Kedudukan pelajar yang berkemahiran tinggi apabila menjalani talaqqi mushafahah**



Menurut P1L1, kedudukan ini memberikan beliau ruang yang cukup untuk memerhati, mendengar dan mengajuk bacaan responden utama. Dalam waktu yang sama, jarak antara beliau dengan responden utama sangat sesuai. P1L1 menyatakan:

*“Saya duduk di sini sokmo (sentiasa), dan tuan guru akan duduk atas kerusi. Bila saya duduk sini, saya boleh tengok bacaan Tuan Guru dan dia pun boleh tengok bacaan saya sebab tuan guru duduk tempat lebih tinggi dari saya.”*

Proses talaqqi mushafahah dengan pelajar berkemahiran tinggi menyaksikan pelajar berkenaan membaca dengan pelbagai wajah bacaan yang dibenarkan dalam qira’at Warsh pada ayat-ayat tertentu. Pemerhatian yang dijalankan mendapati pelajar berkenaan akan membaca dalam jumlah muka surat yang banyak – hampir satu juzu’. Responden utama akan bertanya pelajar secara detail bagi wajah-wajah bacaan. Pelajar akan diminta menghuraikan teori wajah berkaitan dan disusuli dengan praktikal kepada teori wajah bacaan tersebut. Dalam beberapa keadaan, pemerhatian juga menunjukkan pengetahuan pelajar berkemahiran tinggi berkenaan sangat mantap. Huraian yang diberikan sesekali memaksa Tuan Guru merujuk kembali nota-nota rujukan berkaitan bagi melakukan pengesahan wajah bacaan.

#### **Talaqqi Mushafahah dengan Pelajar Berkemahiran Sederhana**

Dalam proses talaqqi mushafahah dengan pelajar berkemahiran sederhana, responden utama akan berada pada kedudukan seperti proses pertama. Beliau kemudiannya dibantu oleh pelajar berkemahiran tinggi. Ketika ini, pelajar berkemahiran tinggi akan membantu memperbetulkan bacaan pelajar berkemahiran sederhana. Bantuan diberikan berdasarkan bentuk bacaan dan kepelbagaian bacaan bagi ayat-ayat tertentu berkaitan bacaan warsh. Pemerhatian menunjukkan bahawa pelajar berkemahiran tinggi berada di sebelah kiri responden utama manakala pelajar yang berkemahiran sederhana berada dihadapan responden utama.

Kedudukan ini – dalam proses talaqqi dan mushafahah – menjadikan pelajar yang sedang membaca al-Qur’an akan mendapat bimbingan sepenuhnya dari aspek teori dan praktikal. Aspek teori banyak dibantu oleh pelajar berkemahiran tinggi manakala aspek praktikal banyak dibantu oleh responden utama sendiri. Sepanjang semakan bacaan dijalankan, proses ini berlaku secara berterusan sehingga pelajar menamatkan bacaan.

1.5. Pelajar berkemahiran tinggi memberikan bimbingan dari aspek teori bacaan Warsh ketika pelajar berkemahiran sederhana memperdengarkan bacaan



Menerusi dua bentuk talaqqi yang mushafahah di atas juga, responden utama memainkan peranan yang aktif dalam mengekalkan talaqqi dan mushafahah agar berlansung dengan cara yang betul. Beliau amat menitik beratkan soal panjang dan pendek dalam bacaan dan memperdengarkannya secara berulang-ulang sehingga dikuasai oleh pelajar. Dalam waktu yang sama proses mengikut bacaan juga dijalankan dengan berkesan. Ini



menyumbang kepada rasa amat berpuas hati, mudah faham dan memahami apa yang diajar oleh responden utama. Menurut P1L2:

*“Tuan Haji mengajar saya (menekankan) pada bahagian saya tidak menguasai sahaja. Tuan Haji banyak menunjukkan contoh bacaan kepada saya. Beliau banyak memberi praktikal bacaan dan memberi tafsil (huraian bentuk bacaan) ayat kepada saya semasa pengajaran. Contohnya sebutan a’illa. Apabila Tuan Haji menyuruh saya memanjangkan sedikit bacaan, saya akan panjangkan. Tuan Haji memang banyak menyebut (memperdengarkan) cara bacaan yang betul semasa mengajar saya mengaji. Tuan Haji banyak memberi praktikal semasa mengajar”.*

1.6 Tn Hj Sulaiman sedang memperdengarkan bacaan Al-Qur’an.



Responden utama juga meminta pelajarinya membaca dengan kuat (didengari dengan jelas) dengan tempo yang sesuai. Kadangkala, tempo laju dibenarkan dan begitulah juga sebaliknya. Semakan bacaan pula dibuat secara berterusan dengan semakan dijalankan terhadap nota yang dicatatkan di mashaf responden utama, mashaf pelajar dan di susuli dengan buku rujukan yang digunakan hasil tulisan responden utama. Dalam waktu yang sama, bimbingan dan semakan terhadap teori dan penekanan terhadap praktikal dijalankan secara berulang-ulang sehingga kemahiran bacaan benar-benar dikuasai. Menurut P1L2:

*“Tuan Haji Sulaiman akan sentiasa menyemak bacaan saya secara berterusan. Selepas merujuk kepada al-Quran beliau, beliau akan merujuk kepada al-Quran saya pula selepas itu. Jika terdapat kesalahan, beliau akan meminta saya untuk berhenti seketika dan merujuk kepada bukunya (al-Nur)”.*

Menurut P1L2 lagi:

*“Beliau akan menyuruh saya mengulang bacaan sehingga saya menyebut dengan betul dan juga menunjukkan bacaan dan menerangkannya seperti bacaan ibdal yang (dibaca) enam harakat”.*

Teknik talaqqi dan mushafahah yang dipraktikkan oleh Tn Hj Sulaiman sebagaimana yang dibincangkan di atas terbukti benar-benar berkesan. Ini diakui sendiri oleh pelajar beliau. Menurut P1L2:

*"bagi saya memang cara ini yang paling berkesan dalam membaiki bacaan kerana saya pernah belajar mengaji Al-Quran di IQ (Institut al-Qur'an Negeri Terengganu), Padang Midin Kuala Terengganu selama setahun. Tetapi hasilnya tidak baik dan pengajaran tidak begitu berkesan. Hal ini kerana di IQ tiada buku rujukan dan hanya lebih kepada mengajar dan bukannya memperbaiki bacaan saya".*

### **Teguran dan Pembetulan Bacaan**

Pemerhatian yang dijalankan menunjukkan responden utama didapati sangat tegas dalam membetulkan bacaan. Beliau tidak akan membenarkan bacaan diteruskan kecuali selepas beliau berulang-ulang kali menyebut teori bacaan dan disusuli dengan praktikal kepada bacaan tersebut. Selepas beliau merasa pelajar betul-betul memahami, menguasai dan mampu mengajuk cara bacaan beliau, barulah beliau membenarkan bacaan diteruskan. Prinsip beliau "kesalahan mesti diperbetulkan". P1L1 menyatakan:

*"Kadang-kadang bacaan saya lekat (tersekat disebabkan kesalahan). Tuan Guru akan tegur dan tanya beberapa kali... walaupun saya jawab tu betul doh... tapi dia akan tanya lagi... beberapa kali dan saya akan ulang dengan jawapan yang sama sehingga dia puas hati."*

### **Peneguhan dan Penghargaan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

Berdasarkan pemerhatian, berikut adalah kata-kata peneguhan yang sering meniti di mulut responden utama ketika mendengar bacaan yang baik dan betul dari pelajar-pelajar beliau;

- a) Bertakbir "Allahuakbar"
- b) Pujian "Bagus... Bagus... Bagus...."
- c) Peneguhan "YA... YA..." Betul... Betul..." dan "Sungguh.. Sungguh..."
- d) Tahmid "Alhamdulillah....."
- e) Tahlil "Lailahaillallah....."
- f) Menyebut "Allaah", "Ya Allah"
- g) Menyebut "Molek.. Molek".
- h) Menyebut "aaa.. Tu Dia"

Peneguhan oleh responden utama juga dapat dilihat menerusi tadabbur beliau terhadap bacaan yang diperdengarkan oleh pelajar. Ini dapat dilihat tatkala beliau berzikir apabila tiba kepada ayat-ayat tertentu dan kerap mengalirkan air mata apabila ayat-ayat tertentu dibacakan. Situasi ini menjadikan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan penuh dengan penghayatan sekali gus meniupkan rasa kesungguhan dan dorongan kepada pelajar untuk membaca al-Qur'an dengan bersungguh sungguh. Sungguhpun begitu, sepanjang pengajian yang dijalankan, Responden utama tidak pernah membincangkan maksud dan tafsir ayat yang diperdengarkan. Pemahaman maksud ayat lebih bersifat individu dan teguran yang dibuat oleh Tn Hj merupakan refleksi terhadap lafaz-lafaz yang kadang-kadang tidak menepati kaedah sebutan yang betul terhadap lafaz-lafaz tersebut.

Responden utama juga mempunyai kemahiran sendiri dalam memperbetulkan bacaan pelajar-pelajar beliau. Bahasa yang digunakan mampu mengendurkan suasana dan melembutkan hati pendengar. Ini menjadikan kelas beliau santai walaupun penuh dengan ilmu al-Qur'an yang bersifat berat. Masakan tidak, pelajar bukan sahaja perlu menguasai ilmu tajwid, bahkan dalam waktu yang sama perlu mengaplikasikan bacaan bertajwid yang diwarnai dengan disiplin qira'at warsh. Menurut P1L1:

*"Di sini saya belajar untuk menghormati anak murid. Beliau sentiasa menggunakan ayat "kenapa buat salah seperti itu?". Jadi setiap teguran yang beliau berikan tidak menyakitkan saya dan kami sebagai orang yang sudah berusia. Cara beliau mengajar tidak shadid (keras), (ini) merupakan kali pertama saya berjumpa tuan guru seperti beliau. Sebelum ini, saya juga seorang yang shadid dan selepas berguru dengan beliau saya juga berubah. Ahli keluarga saya juga tidak belajar mengaji dengan saya sebelum ini kerana saya seorang yang shadid tetapi setelah saya berguru dengan tuan guru saya ini, saya berubah".*

### **Syahadah Pengajian**

Responden utama mengeluarkan syahadah (sijil) kepada beberapa pelajar yang telah berjaya khatam samada sekali atau beberapa kali dalam mempelajari qira'ah Warsh dengan beliau. Beliau juga menegaskan, semua pelajar yang diberikan sijil secara amnya diberikan ijazah kebenaran untuk membaca dan mengajar Qira'ah Warsh kepada orang lain. Menurut responden utama:

*"Walaupun (seseorang itu) sekali khatam, (seseorang) boleh mengajar asalkan dapat menguasai bacaan dengan baik. Sijil yang diberikan juga adalah kebenaran untuk mengajar orang lain".*

Tinjauan pasukan penyelidik mendapati responden utama secara asasnya mempunyai 3 orang pelajar yang dilihat berbakat dan mahir untuk membaca dan mengajar Qira'at Warsh. Mereka adalah Tn Hj Che Ku Razak Che Ku Mohd, Tn Hj Ismail bin Embong dan Tn Hj Rashid bin Alias.

### **PENUTUP**

Tulisan ini menunjukkan bagaimana kaedah talaqqi dan mushafahah diimplimentasikan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an sehingga kemahiran membaca al-Qur'an khasnya qira'at Warsh an Nafi' dapat dikuasai dengan baik. Tn Hj Sulaiman telah menunjukkan bagaimana kaedah ini dijayakan dalam pengajaran dan pembelajaran Qira'at. Proses ini dapat disimpulkan menerusi pemilihan bahan (mashaf), elemen-elemen utama dalam pelaksanaan talaqqi dan mushafahah, teknik peneguhan dan penghargaan dan pemberian sijil pengajian. Implimentasi tersebut menunjukkan bagaimana tradisi pengajaran dan pembelajaran ilmu al-Qur'an diwariskan kepada generasi baru dalam bentuk yang penuh amanah dan tanggungjawab.

### **RUJUKAN**

- Ab. Halim Tamuri. (2006). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran: Pendekatan Masa Kini*. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Qadir Leong. (2015). *Tajwid al-Qur'an Rasm Uthmani*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il (1422H), *Sahih al-Bukhari*, Muhammad Fu'ad Abd. al-Baqi (Ed.), Beirut: Dar Tuq al-Najat.
- al-Kaylani, Taisir, Iyad, & Mulhim. (1986), *al-Taujih al-Fanni fi Usul al-Tarbiyah wa al-Tadris*. Lubnan: Muktabah Lubnan.
- al-Qabisi. Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf (1986). *al-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Mua'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Mutaallimin*, Tunis: al-Sharikah al-Tunisiyyah li al-Tawzi'.
- Ibn. Kathir, Isma'il bin 'Umar. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, Sami bin Muhammad Salamah (Ed.), Beirut: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Merriam, S. B. (1984). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Majid Konting.(1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Muslim bin al-Hajjaj. (2004). *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar*. Muhammad Fu'ad 'Abd. al-Baqi (Ed.), Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Sedek Arifin. (2009). *Kepentingan talaqqi dan mushafahah dalam pembacaan Al-Quran*. *Jurnal Darul Quran*, 13, hh. 109-127.
- Surur Shihabuddin. (2016). *Perbahasan Ilmu Tajwid menurut Riwayat Hafs An Asim melalui Toriq Ash Shatibiyyah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pustaka Salam.